

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

SOALAN : 468

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada terdapat apa-apa peranan atau kuasa di bawah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan Sarawak yang dialihkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sepertimana yang berlaku pada pembubaran Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan pada 6 Jun 2018 yang lalu telah memutuskan supaya Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan Sarawak diletakkan di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan (MOT). Dalam hubungan ini, MOT akan melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi menambahbaik aspek peranan dan pelaksanaan fungsi kedua-dua LPKP sebagai entiti yang bertanggungjawab mengawal selia dan memajukan sektor pengangkutan awam darat di Sabah dan Sarawak.

Sebagai permulaan, MOT akan menyusun semula struktur organisasi sedia ada dan mengukuhkan skop fungsi kedua-dua LPKP. Fungsi penguatkuasaan ke atas peraturan-peraturan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan [Akta 334] akan diberi kuasa kepada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk melaksanakannya. Perkara ini akan membolehkan LPKP Sabah dan Sarawak memberi fokus sepenuhnya kepada aspek pelaksanaan semua dasar, perancangan dan semua inisiatif yang telah dan akan dirancang berkaitan pembangunan sektor pengangkutan awam darat di Sabah dan Sarawak supaya setanding dengan tahap pembangunan di Semenanjung Malaysia.